

29/01/2004

F1: Diskaun 50 peratus untuk pelajar

SEBAGAI menarik lebih ramai warga tempatan menyaksikan perlumbaan F1, Sirkuit Antarabangsa Sepang (SIC) mengumumkan diskaun khas sehingga 21 peratus bagi tiket-tiket untuk Grand Prix Malaysia Petronas 2004 termasuk diskaun 50 peratus bagi pelajar.

"Lembaga SIC memutuskan diskaun khas itu untuk menggalakkan lebih ramai warga Malaysia menyaksikan perlumbaan F1," kata pengerusinya, Datuk Mokhzani Mahathir dalam satu kenyataan semalam.

Sementara harga tiket di tingkat atas grandstand masih dikekalkan, harga tiket di tingkat Citrine, Turquoise dan Jade dan juga grandstand K1 dikurangkan sehingga RM300.

Dengan harga baru itu, tiket-tiket di Crystal kini dijual pada harga RM1,200 berbanding RM1,400 sebelum ini untuk sepanjang tiga hari perlumbaan dari 19 hingga 21 Mac. Pada masa yang sama tiket di Turquoise kini harganya ialah RM1,100.

Tempat duduk di Jade pula dijual pada harga RM1,000 bagi pakej tiga hari berbanding RM1,200 sebelum ini. Tempat duduk Platinum di Grandstand K1 telah dikurangkan daripada RM1,200 kepada RM1,000 sementara kerusi emas dikurangkan ke RM800, iaitu penjimatan sebanyak RM200.

"Mereka yang sudah membeli tiket tempat duduk terbabit pada harga sebelum diskaun akan dipulangkan perbezaan harga. Bagi pembeli korporat, bayaran balik akan dibuat dalam bentuk tiket tambahan dan mereka boleh memanggil hotline tiket di 03-85262222 mengenai prosedur untuk mendapatkan balik perbezaan harga tiket itu.

"Pembeli korporat boleh hubungi terus bahagian jualan di talian 03-85262075," tambah pengerusi SIC itu.

Bagi para pelajar pula, mereka boleh membeli satu tiket F1 setiap seorang pada harga RM50 untuk tempat duduk di Hillstand G, di mana harga sebenar tiket-tiket itu adalah RM100, untuk melihat secara langsung perlumbaan itu di Sepang pada 21 Mac. Bukti pengenalan diri sebagai pelajar diperlukan untuk melayakan diri bagi diskaun itu.

Bagi kakitangan kerajaan, SIC menawarkan diskaun 15 peratus tempat duduk hillstand. Setiap pembeli hanya boleh membeli maksimum dua tiket.

Pelajar dan kakitangan kerajaan perlu membeli tiket mereka sebelum 14 Mac sama ada di sirkuit itu atau semasa road show di seluruh negara yang akan bermula di Suria KLCC, di sini pada 6 Februari ini. - Bernama